

20 JAN 2003

NAM-PERDAGANGAN/I

M'SIA AKAN ANJUR EKSPLO PERDAGANGAN NAM

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Malaysia, yang memanfaatkan kehadiran pembuat keputusan dari negara-negara Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) akan mengumpulkan sumber-sumbernya untuk menganjurkan pameran perdagangan terbaik "Showcase Malaysia 2003" di Sidang Kemuncak NAM ke-13 di sini bulan depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, di sidang media hari ini untuk mengumumkan pameran itu berkata dengan kehadiran ketua-ketua, menteri, pegawai dan wakil media NAM ini akan memberi peluang terbaik kepada Malaysia untuk memperagakan dan memperkenalkan produk dan perkhidmatannya.

"Kita mahu memperkenalkan (produk dan perkhidmatan) dengan cara yang kita boleh. Apabila pemimpin-pemimpin datang, mereka boleh membuat keputusan dengan serta merta," katanya.

Pameran itu yang diadakan bersempena dengan sidang kemuncak daripada 20 hingga 25 Feb akan memperagakan produk dan pameran Malaysia dan bakal menjadi medan terbaik untuk menonjolkan kualiti produk "Buatan Malaysia" ini.

Pameran itu yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), merangkumi kawasan seluas 14,000 meter persegi dan dibahagikan kepada empat komponen -- gaya hidup, pavilion individu, kelompok produk atau perkhidmatan dan jenama Malaysia.

Pameran "Showcase Malaysia 2003" itu akan diadakan daripada 18 hingga 26 Feb dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin kita mampu menghasilkan perniagaan sekurang-kurangnya dari segi penjualan produk kerana maklumat akan disebarkan oleh mereka yang datang ke pameran itu mengenai apa yang kita tawarkan," katanya.

Rafidah berkata pameran itu akan menggalakkan interaksi ekonomi dan perhubungan perniagaan di kalangan negara anggota NAM.

Bagi bahagian gaya hidup, produk daripada 100 syarikat akan dipaparkan seperti perabot dan perabot luaran, perkakasan elektrik, peralatan lampu, barangan seramik, aksesori kraftangan dan perhiasan, permaidani, kabinet dapur, pakaian dan perabot.

Bagi pavilion individu, 18 syarikat utama Malaysia akan mengambil bahagian untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka termasuk PETRONAS, Perbadanan Pembangunan Multimedia, PROTON Bhd, YTL Bhd, Tenaga Nasional Bhd (TNB), Sime Darby Bhd, Perodua Sales Sdn Bhd, SAPURA Holdings dan DRB-Hicom Bhd.

Di bawah kelompok produk/perkhidmatan, 16 kelompok akan mempamerkan pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan Buatan Malaysia.

Kelompok itu termasuk perabot, barangan elektrik, teknologi komunikasi dan maklumat, telekomunikasi, barangan makanan, komponen mesin dan bahagian-bahagian, tekstil dan pakaian, barangan getah, plastik, minyak sawit, kraftangan dan barangan cenderamata, bangunan dan pembinaan, perkhidmatan pendidikan, sektor kewangan, industri francais dan perkhidmatan penjagaan kesihatan/hospital.

Produk-produk itu dihasilkan oleh lebih 350 syarikat tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana.

Di bawah komponen jenama Malaysia, 20 jenama terulung Malaysia termasuk Proton, Modenas, Bonia dan Royal Selangor, akan mengambil bahagian. --

BERNAMA

LES/SEJ FR ZK

